



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (48)

Tarikh: 5 Ogos 2024

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG 2024 PERINGKAT PETALING JAYA SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-67

Tanggal 31 Ogos 1957 merupakan tarikh keramat yang mencatatkan detik bersejarah apabila pemasyhuran kemerdekaan diisytiharkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Pengertian konsep kemerdekaan telah menjadi pasak perpaduan dalam proses pembinaan negara bangsa sejak sekian lama seiring dengan aspirasi dan hasrat segenap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang untuk menikmati kemakmuran secara adil dan saksama.

Sebagai tanda meraikan semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan warga Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang 2024 Peringkat Petaling Jaya Sempena Hari Kebangsaan ke-67 pada 5 Ogos 2024 bertempat di Dewan Banquet MBPJ.

Penganjuran kempen ini juga merupakan salah satu inisiatif MBPJ untuk menggalakkan agensi kerajaan, swasta dan seluruh warga Petaling Jaya untuk mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda kebanggaan dan kesetiaan kepada negara tercinta menuju sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024.

Dengan tema sambutan Hari Kebangsaan 2024 "Malaysia Madani: Jiwa Merdeka", MBPJ telah merangka sebanyak 23 program menarik sepanjang bulan Ogos hingga September antaranya pertandingan Nyanyian Patriotik 2024, Pertandingan Hiasan Kibar Jalur Gemilang, *PJ Half Marathon 2024* dan Program Mesra Rakyat Adun Bukit Lanja & Hari Bertemu Pelanggan.

Selain itu, terdapat juga pelaksanaan beberapa program menarik lain anjuran Ahli-ahli Majlis MBPJ seperti Gotong-royong Kemerdekaan, Semarak Kemerdekaan, Edaran Jalur Gemilang dan Sambutan Hari Kemerdekaan dan Vaksin kepada Warga Emas.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya. Turut berlangsung sesi pemasangan bendera pada kenderaan Majlis, agensi dan orang awam di Jalan Yong Shook Lin.

Besar harapan MBPJ dengan penganjuran kempen ini dapat menyemarakkan lagi semangat Hari Kebangsaan dalam kalangan penduduk Petaling Jaya dan memupuk semangat perpaduan dan kekitaan yang kuat. Majlis juga ingin mengajak semua pihak untuk turut serta dalam kempen ini dan mengibarkan Jalur Gemilang dengan rasa penuh bangga.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 2 (49)

Tarikh: 18 Ogos 2024

8,000 PELARI MARATHON DARI 39 BUAH NEGARA SERTA *PJ HALF MARATHON 2024*

Petaling Jaya sekali lagi menjadi tumpuan penggemar sukan larian apabila 8,000 orang peserta dari 39 buah negara telah mengesahkan penyertaan dalam *PJ Half Marathon 2024* yang akan berlangsung pada 18 Ogos 2024 di Laman Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Penganjuran kejohanan larian edisi yang ke-34 ini menyaksikan peningkatan yang ketara di mana lebih 250 peserta luar negara telah mendaftar dengan jumlah penyertaan paling ramai adalah daripada India iaitu 35 orang, diikuti dengan Jepun (28), Singapura (21) dan United Kingdom (18). Peningkatan ini sekaligus membuktikan bahawa prestij acara *PJ Half Marathon 2024* semakin meningkat serta mampu menarik lebih ramai pelari antarabangsa.

Sebanyak lima (5) kategori akan dipertandingkan pada edisi kali ini iaitu larian 30 kilometer (km) Terbuka, 21km Terbuka, 10km Terbuka, 5km *Fun Run* serta 1km *Fun Run* bertemakan *Anime* yang juga acara baru diperkenalkan pada tahun ini. Kejohanan larian ini turut dimeriahkan dengan penyertaan En. Ong Kim Wha, pelari berusia 90 tahun yang akan bertanding untuk kategori 10km Terbuka Senior Veteran.

Kejohanan larian ini akan bermula pada jam 3.40 pagi dengan sesi aerobik dan pelepasan *flag-off* peserta pertama bagi kategori 30km dijadualkan disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Pihak Polis Daerah Petaling Jaya akan membuat kawalan trafik secara berperingkat bermula jam 4 pagi di jalan-jalan yang terlibat. Seramai 100 orang polis trafik serta 80 orang pegawai penguatkuasa Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan ditugaskan untuk mengawal lalu lintas bagi menjamin kelancaran serta keselamatan *PJ Half Marathon* untuk semua sama ada peserta mahupun orang awam. Penganjur menyarankan kepada semua peserta untuk meletakkan kenderaan di kawasan petak parkir berhampiran PJ State serta tidak meletakkannya di bahu-bahu jalan agar tidak mengganggu lalu lintas pada hari acara berlangsung.

PJ Half Marathon dianjurkan oleh MBPJ dan Puncak Ventures SRA Sdn. Bhd. dengan kerjasama Persatuan Olahraga Para Selangor (POPS). Untuk edisi kali ini, bilangan penaja barangan juga turut bertambah. Organisasi swasta yang turut serta dalam menaja acara ini ialah; minuman isotonik 100Plus serta air mineral Ice Mountain daripada F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd., set penjagaan lelaki maskulin berjenama Kahf, pakaian jenama Vrtic, jenama



sukan terkenal Brooks, jam sukan terkenal antarabangsa Suunto, pusat beli belah Jaya Shopping Centre, Petaling Jaya, sumber nutrisi tambahan dari N8, serta tajaan *team pacer* daripada Pacemakers Malaysia. Tidak dilupakan beberapa penajaan lain daripada RHB Trustees Bhd sebagai *Trustee* untuk Axis Real Estate Investment Trust, S&P Industries Sdn. Bhd. dan juga Embun Elit Sdn. Bhd.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695